

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH / HARI : 13 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

²Datuk Bandar Shah Alam rai bayi 10 Oktober 4m
13/10/16

SHAH ALAM 12 Okt. - Sempena ulang tahun Bandaraya Shah Alam ke-16, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad meraikan lapan bayi yang lahir pada tarikh 10 Oktober di Hospital Shah Alam (HSA) di sini.

Ahmad Zaharin berkata, kesemua bayi diberi sijil yang mengiktiraf mereka sebagai bayi yang lahir serentak dengan ulang tahun bandar raya ini.

"Kunjungan ini amat bermakna sebagai tanda kesyukuran bagi

meraikan kelahiran bayi pada tarikh keramat bagi warga Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA) itu.

"Tanggal 10 Oktober merupakan tarikh yang amat bermakna kepada pihak MBSA kerana pada tarikh 10 Oktober 2000 iaitu 16 tahun yang lalu, MBSA telah dinaik taraf daripada Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya," katanya kepada pemberita di sini.

Yang hadir sama ialah Pengarah HSA, Dr. Hasni Hanapi, Ahli-ahli MBSA dan Pengarah-pengarah

Jabatan MBSA.

Ahmad Zaharin memberitahu, antara pengisian aktiviti sepanjang bulan Oktober ini ialah Hari Belia, Kesihatan dan Bandar Selamat, Majlis Bacaan Yassin, Tahlil dan Doa Selamat, Hari Bertemu Pelanggan dan Karnival Soccerkids Shah Alam 2016.

Dalam kunjungan tersebut, pihak Majlis turut menyumbangkan cenderahati berupa kelengkapan bayi, hamper dan juga sijil kepada bayi yang lahir pada tarikh berkenaan.